

# Kekalahan PH di Negeri Sembilan hanya amaran, bukan 'hukuman mati'

● Sebahagian pengundi Cina dan India tidak berpindah kepada lawan, tetapi hanya tidak keluar mengundi, memberikan undi protes atau tidak lagi berkempen secara aktif untuk PH

● PH tidak perlu menafikan kekalahan atau mencari alasan untuk menutup kelemahan. Ia perlu menerima keputusan, melakukan bedah siasat secara jujur



Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin  
bhrencana@bh.com.my

Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN) di Universiti Utara Malaysia (UUM)

**Kekalahan** Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan tentunya menjadi tamparan besar selepas gabungan itu turut berdepan keputusan mengecewakan pada PRN Johor.

Namun, kekalahan ini tidak wajar ditafsirkan sebagai penolakan menyeluruh rakyat terhadap PH, apatah lagi sebagai petanda Kerajaan Perpaduan pada peringkat Persekutuan akan tumbang.

Sebaliknya, keputusan itu perlu dibaca berdasarkan konteks khusus Negeri Sembilan, struktur pertandingan berbeza dan pembentukan kerjasama baharu antara BN dengan PN.

Faktor terbesar kekalahan PH bukan kerana kelemahan rekod pentadbiran negeri, tetapi perubahan asas dalam bentuk pertandingan.

berikan respons kepada kontroversi ucapan Menteri Besar Kedah merangkap Ketua Pengarah Pilihan Raya PN, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor dan laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkaitan Tabung Haji. Hal ini mungkin mengukuhkan penyokong sedia ada, tetapi gagal memecahkan blok pengundi Melayu yang sudah membuat keputusan lebih awal.

## Strategi komunikasi lemah

Kekalahan kerana strategi komunikasi masih boleh diperbaiki. PH perlu belajar betapa laporan pencapaian kerajaan sahaja tidak mencukupi. Fakta pentadbiran perlu diterjemahkan kepada cerita menyentuh keselamatan ekonomi keluarga Melayu, peluang anak muda, pemilikan rumah, pendidikan, pekerjaan, agama dan maruah komuniti tanpa meninggalkan prinsip masyarakat berbilang kaum.

Keputusan PRN juga tidak boleh dipindahkan secara mekanikal kepada pilihan raya umum (PRU). Dalam PRN, pengundi menilai kerajaan negeri, calon tempatan, isu tanah, perkhidmatan

PH masih mempunyai lebih setahun untuk melakukan pemulihan sebelum PRU seterusnya.

Tempoh ini masih boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah kos sara hidup, memperkemas komunikasi pelarasan subsidi dan cukai, mendengar keresahan peniaga kecil, memulihkan hubungan dengan pengundi India serta membina agenda anak muda yang benar-benar berkaitan pekerjaan, perumahan dan mobiliti sosial.

Perhatian selepas Negeri Sembilan akan beralih kepada Melaka, yang tempoh Dewan Undangan Negeri (DUN) berakhir pada Disember 2026. Melaka tidak boleh dihadapi dengan strategi tergesa-gesa. PH perlu memutuskan lebih awal, sama ada mahu bergerak bersendirian atau membentuk kerjasama, menyelesaikan pertikaian dalaman dan memilih calon yang mempunyai rangkaian akar umbi sebenar.

Kesimpulannya, kekalahan di Negeri Sembilan ialah satu amaran, tetapi bukan 'hukuman mati' kepada PH. Ia menunjukkan kelemahan naratif, mobilisasi dan hubungan dengan beberapa

Pada peringkat akhir, PH terlalu banyak mem-

Parlimen ke-15 mula bersidang pada 19 Disember 2022. Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan menetapkan tempoh maksimum Parlimen selama lima tahun dari tarikh persidangan pertama, melainkan dibubarkan lebih awal. Ini bermakna, sekiranya Parlimen melengkapkan tempohnya,

PH juga perlu melatih jurucakap yang mampu menjawab isu Melayu-Islam dengan lebih meyakinkan, mempercepatkan penyampaian dasar, menampilkan calon tempatan berbilang kaum dan mengukir sentimen pengundi secara berkala sebelum kempen bermula di setiap negeri.

